

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Kajian-kajian yang spesifik mengenai hubungan konsep kendiri dengan taraf pendidikan akademik telah banyak dilakukan sebelum ini. Ramai di antara pengkaji-pengkaji bersetuju wujudnya hubungan di antara konsep-kendiri dengan pencapaian akademik dan menyokong kepentingan konsep kendiri yang stabil dan tinggi.

Kajian mengenai perkaitan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik telah dijalankan oleh Jersild (1952). Beliau menunjukkan bahawa konsep kendiri yang rendah menyebabkan pencapaian akademik yang rendah. Kajian dalam aspek ini kemudiannya diteruskan oleh Walsh (1956), Coopersmith (1959), Bruck dan Bodwin (1962), Brookover dan rakan-rakan (1964), Henderson dan Ziller (1965), Zimmerman dan Allebrad (1965), Mc Daniel (1967) dan William dan Cole (1968) seperti yang disebut dalam kajian Samuel (1977); Bailey dan rakan-rakan (1971), Hirchi (1972), Yamamoto (1972), Conger (1973), Hurlock (1974), Brophy (1974), Primavera (1974), Simon dan Simon (1975), Bridgeman dan Shipman (1978) dan Clifton (1981).

Bailey dan rakan-rakannya (1971), menyarankan wujudnya perhubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik iaitu perhubungan positif antara faktor-faktor seperti prestasi pelajar, nilai diri dan kejayaan akademik. Walau bagaimanapun, terdapat pula kajian-kajian yang melaporkan korelasi yang negatif. Kajian yang dijalankan oleh Bridgeman dan Shipman (1978) misalnya, memperolehi korelasi bernilai -0.14 di antara konsep kendiri dan kebolehan membaca dan korelasi bernilai -0.17 di antara konsep kendiri dengan kebolehan dalam Matematik; sementara itu, dalam kajianya terhadap pelajar-pelajar satu kaum asli di California Selatan, Byrne (1989)

tidak mendapati korelasi yang signifikan di antara konsep kendiri dengan tingkah laku akademik pelajar-pelajar tersebut (dalam Othman b. Md Johan 1995).

Seorang pengkaji lagi bernama Conger (1973) telah mengatakan bahawa individu yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi lebih bertanggungjawab, menyukai sekolah dan jarang sekali melanggar disiplin sekolah manakala individu yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah kurang berminat untuk belajar, tidak membuat kerja sekolah, bersifat pesimis dan kurang menghormati guru (dalam Jamiaah Kechut 1985).

Tingkah laku nakal adalah berkait rapat dengan pencapaian akademik. Pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi lebih suka kepada sekolah dan kurang menunjukkan tingkah laku nakal. Kajian Cloward dan Chilin (Hirchi, 1972) seperti yang dilaporkan dalam kajian Hamdan Mahfoh (1988), menunjukkan semakin baik prestasi akademik semakin kurang seseorang itu bertingkah laku nakal.

Simon dan Simon (1975), membuat kajian ke atas 87 orang subjek yang terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dari Gred 5 di sebuah sekolah di pinggir bandaraya New York. Subjek yang dikaji berumur antara 11 hingga 12 tahun. Soal selidik dari Self-Esteem Inventory telah digunakan untuk menentukan konsep kendiri. Hasil kajian mereka menunjukkan hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik.

Yamamoto (1972), dalam kajiannya mengenai pelajar-pelajar baru di sebuah institusi pengajian tinggi mendapati jika pencapaian akademik adalah tujuan utama, pelajar-pelajar mempunyai konsepsi yang baik tentang dirinya sebagai seorang pelajar dan jika ia berjaya dalam akademiknya, penilaian dirinya bertambah baik sebelum dan selepas semester mereka. Analisis terhadap konsep kendiri menunjukkan bahawa konsep kendiri adalah sesuatu yang dipelajari dan mempengaruhi proses pembelajaran.

Brookover dan rakan-rakannya (1965), telah membuat satu kajian ke atas 1050 orang subjek : 513 lelaki dan 537 perempuan dari gred 7. Dari kajian ini mereka dapati ada hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan gred yang dicapai oleh murid-murid dalam kajian itu bila ukuran kecerdasan dikawal. Mereka juga merumuskan bahawa konsep kendiri dapat membantu meramal pencapaian akademik.

Selain daripada mengkaji hubungan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik, hubungan antara konsep kendiri, pencapaian akademik dan jantina juga diberikan perhatian. Misalnya, Richer (Clifton 1981), dalam kajiannya telah membuktikan bahawa perbezaan jantina boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar. Kajian Cornelius dan Cockburn (1976) adalah untuk mengkaji faktor-faktor seperti latarbelakang keluarga, umur dan jantina ke atas prestasi pelajar-pelajar. Kajiannya telah menggunakan subjek seramai 1152 pelajar lelaki dan perempuan yang berumur 16 tahun. Keputusan peperiksaan GCE dan CSE Levels mereka dianalisa untuk menentukan pencapaian mereka. Hasil kajian didapati terdapat sedikit perbezaan terhadap keseluruhan prestasi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam pencapaian akademik yang ditunjukkan. Perbezaan dalam pencapaian di antara pelajar lelaki dan perempuan adalah lebih ketara jika dilihat dari tiap-tiap satu mata pelajaran yang diambil oleh mereka. Pelajar-pelajar lelaki lebih tinggi pencapaiannya daripada pelajar perempuan dalam matapelajaran Sains dan Matematik manakala pelajar-pelajar perempuan lebih baik daripada lelaki dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

Lambert dan Wisenthal (dalam Brophy, 1974) dalam kajian mereka, bertujuan mengkaji perbezaan jantina dan hubungannya dengan pencapaian dalam bacaan. Kajian ini dijalankan ke atas murid-murid lelaki dan perempuan yang diasingkan kelas-kelas mengikut jantina mereka. Murid lelaki diajar oleh guru lelaki, manakala murid perempuan diajar oleh guru perempuan. Hasil kajian didapati tidak terdapat hubungan di antara faktor jantina dengan pencapaian

dalam bacaan. Murid-murid dalam kajian ini dikatakan telah mendapat persekitaran yang sesuai dengan peranan dan jantina mereka. Oleh itu, hasil kajian ini telah dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang sengaja dibentuk dan bukan bergantung kepada faktor jantina sahaja.

Johnson (dalam Brophy, 1974) dalam kajiannya telah membandingkan beberapa aspek pencapaian dalam pembacaan bagi gred dua, empat dan lima murid-murid di Amerika Syarikat, England, Kanada dan Nigeria. Beliau mendapati bahawa pencapaian murid-murid perempuan adalah lebih baik daripada murid-murid lelaki di Amerika Syarikat dan Kanada tetapi pencapaian murid-murid lelaki adalah lebih baik daripada murid-murid perempuan di England dan Nigeria. Kajian oleh Preston (dalam Brophy, 1974), juga telah menunjukkan perbezaan jantina dan pencapaian akademik di sekolah ada perkaitan. Preston telah membandingkan pencapaian dalam bacaan bagi gred empat dan enam murid-murid di German dan Amerika Syarikat. Hasil kajian ,beliau mendapati murid-murid lelaki di German, pencapaiannya adalah lebih tinggi daripada murid perempuan manakala di Amerika Syarikat pula, murid-murid perempuan pencapaiannya lebih tinggi daripada murid lelaki. Dua perkara timbul dan mungkin mempengaruhi kajian iaitu :

- i. Majoriti guru-guru di German adalah lelaki
- ii. Pencapaian di sekolah adalah berdasarkan kejayaan kaum lelaki juga.

Berdasarkan kajian-kajian tentang perbezaan jantina dan hubungannya dengan pencapaian akademik di Barat, didapati murid-murid lelaki adalah lebih baik pencapaiannya daripada murid-murid perempuan. Keputusan sebegini didapati kemungkinan kerana murid-murid lelaki mendapat persekitaran dan peranan yang sama dan sesuai dengan sifat jantina mereka. Ini bermakna, konsep kendiri jantina boleh mempengaruhi pencapaian akademik.

Kajian mengenai sikap pelajar-pelajar perempuan terhadap matapelajaran Matematik telah dijalankan oleh Badger (1981). Menurut beliau selain daripada faktor genetik dan interaksi guru-murid, kelemahan pencapaian dalam mata pelajaran tersebut di kalangan pelajar-pelajar perempuan disebabkan oleh sikap sosial mereka yang negatif secara keseluruhan. Kajian Lynn, Kamarorsky, Wallin, Mc Kee dan Sheriff (dalam Jersild, 1963) mendapatkan bahawa remaja perempuan susah untuk menerima tentang identiti mereka daripada remaja lelaki. Sikap ini ada kaitan dengan pembentukan konsep kendiri jantina. .

Primavera dan rakan-rakannya (1974) telah menjalankan kajian ke atas 180 orang subjek yang terdiri daripada 77 subjek lelaki dan 103 subjek perempuan. Beliau telah menggunakan Coopersmith Self-Esteem Inventory untuk mengukur konsep kendiri pelajar sementara ujian yang mengandungi perkataan hisab, konsep hisab diambil daripada Stamford Achievement Intermediate 11 Battery and Reading Test untuk menentukan skor pencapaian akademik. Hasil kajian ini didapati bahawa tidak ada perbezaan konsep kendiri di antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik secara keseluruhan. Douvan dan Adelson (dalam Elder, 1968) mendapatkan bahawa terdapat tindanlapis kebimbangan di antara remaja lelaki dan perempuan. Remaja lelaki dikatakan lebih bimbangkan pencapaian di sekolah dan masalah vokasional manakala remaja perempuan menghadapi masalah dari segi penerimaan rakan-rakan, teman lelaki dan ibu bapa.

Di Malaysia, kajian tentang konsep kendiri mula-mula sekali dijalankan oleh Chiam Heng Keng (1976), diikuti pula oleh Prakash Kaur (1980), Kalthum Wan Adam (1982), Noraini Yaakob (1982), Fatimah Yussof (1983), Nabun Ahmad (1984), Jamiaah Kechut (1985), Kalthum Othman (1987), Abdul Razak Abdullah (1988), Hamdan bin Mahfoh (1989), Rashidi Azizan dan Abd. Razak Habib (1991), Kamaliah Abu (1992) dan Othman bin Md. Johan (1995).

Dalam kajian Chiam Heng Keng (1976) di sebuah sekolah kawasan bandar untuk melihat perkaitan antara unsur-unsur dalam pembentukan konsep kendiri, beliau mendapati bahawa konsep kendiri menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik dan kecerdasan. Pelajar lelaki berbeza dengan pelajar perempuan dari segi penghargaan kendiri, kendiri personal, kendiri sosial dan konsep kendiri pencapaian.

Prakash Kaur (1980) telah menjalankan satu kajian ke atas 52 orang subjek yang terdiri daripada orang-orang Sikh dengan 28 orang lelaki dan 24 orang wanita. Kajian beliau menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri keluarga, sosial, fizikal, moral, etika dan peribadi dengan pencapaian akademik.

Kalthum Wan Adam (1982), telah mengatakan konsep kendiri sangat penting dalam pembentukan personaliti, maka ibu bapa seharusnya memberikan perhatian yang berat tentang konsep kendiri anak-anak mereka (dalam Hamdan bin Mahfoh 1986). Ini disebabkan oleh layanan dari perlakuan sosial yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan ahli keluarga terutamanya yang lebih dewasa di peringkat awal hidup seseorang itu akan kekal, sentiasa diingati serta dikenang walaupun orang itu telah dewasa dan hidup di luar kawasan ibu bapa.

Noraini Yaakub (1982), telah menggunakan 60 orang subjek yang terpilih dari pelajar tingkatan 4 Sastera dan Sains berumur antara 16 hingga 17 tahun, menunjukkan adanya hubungan signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik kecuali dalam dimensi kendiri fizikal dan kendiri keluarga.

Kajian Fatimah Yussof (1983) tentang konsep kendiri antara pelajar luar bandar dan bandar mendapati bahawa terdapat perbezaan konsep kendiri antara pelajar luar bandar dan bandar di samping persepsi yang ditunjukkan oleh pelajar di bandar adalah lebih tinggi daripada pelajar luar bandar. Namun begitu

beliau mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang bererti dalam konsep kendiri antara lelaki dan perempuan.

Pengaruh konsep kendiri ke atas pencapaian akademik dan jantina pelajar-pelajar juga telah dikaji oleh Nabun Ahmad (1984). Kajiannya adalah ke atas pelajar-pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah di kawasan luar bandar. Hasil kajian mendapati tidak ada hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Begitu juga beliau mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam konsep kendiri di antara lelaki dan perempuan.

Jamiaah Kechut (1985), dalam kajiannya di sebuah sekolah di kawasan bandar mengatakan tidak ada perbezaan yang bererti dalam konsep kendiri di antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan serta tidak ada perbezaan yang bererti dalam pencapaian akademik antara pelajar lelaki dan perempuan. Dalam kajiannya beliau telah menggunakan Skala Konsep Kendiri Pasao yang terdiri daripada 70 item yang merangkumi kesemua aspek konsep kendiri.

Kalthum Othman (1987), dalam kajiannya di sebuah sekolah di Kuching, Sarawak mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Begitu juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan konsep kendiri. Beliau telah menggunakan soal selidik Konsep Kendiri Tennessee dan data dianalisa dengan kaedah Korelasi Hasil Darab Momen Pearson.

Hasil kajian Abdul Razak bin Abdullah (1988) di sebuah sekolah berasrama penuh di Perlis, menolak ketiga-tiga hipotesis alternatif iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan konsep kendiri.

Hamdan bin Mahfoh (1989) dalam kajiannya ke atas 40 subjek tingkatan 6 di Johor Bahru juga mendapati keputusan yang sama di mana tidak terdapat

hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik serta tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan konsep kendiri.

Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1991), menjalankan kajian untuk menentukan perbezaan konsep kendiri remaja mengikut jantina dan pencapaian akademik. Kajian mereka membataskan konsep kendiri kepada empat dimensi, iaitu kendiri fizikal, kendiri keluarga, kendiri sosial dan kendiri intelek. Alat kajian terdiri daripada satu soal selidik yang mengandungi lapan puluh item. Enam puluh item diterjemah daripada Skala Konsep Kendiri Tennessee dan dua puluh item lagi diterjemah daripada Skala Konsep Kendiri Harris. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan konsep kendiri keluarga dan sosial mengikut jantina, dan terdapat perbezaan konsep kendiri fizikal, keluarga , sosial dan intelek mengikut pencapaian. Selain itu, terdapat kesan interaksi jantina dan pencapaian terhadap konsep kendiri intelek.

Kamaliah Abu (1992) dalam kajiannya tentang konsep kendiri dan hubungannya dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik tetapi tidak ada perbezaan yang signifikan antara 8 faktor konsep kendiri terhadap pencapaian akademik.

Othman bin Md. Johan (1995) dalam kajian hubungan konsep kendiri terhadap tingkah laku murid mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara konsep kendiri akademik dengan tingkah laku akademik serta wujud hubungan yang signifikan antara konsep kendiri bukan akademik dengan masalah tingkah laku bukan akademik.

Beberapa pengkaji yang lalu juga berpendapat bahawa kajian-kajian mengenai hubungan di antara konsep kendiri dengan tingkah laku pelajar

mestilah mengambil kira pengaruh faktor-faktor latarbelakang pelajar itu sendiri. Marjoribanks (1979) serta Hansford dan Hattie (1982) misalnya mencadangkan faktor suasana keluarga; Shavelson dan Bolus (1982) pula mencadangkan faktor status ekonomi keluarga sementara Eshel dan Kurman (1991) mencadangkan faktor kecerdasan pelajar-pelajar (dalam Othman bin Md. Johan 1995). Hasmaliza Hussain (1990), menyatakan bahawa rakan sebaya juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar. Menurut mereka kajian-kajian sedemikian dapat memberikan maklumat yang lebih jelas tentang hubungan yang wujud kerana pembentukan konsep kendiri seseorang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor latar belakangnya.

Dari kajian-kajian di atas, jelaslah bahawa masih tiada ketetapan mengenai hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik dan jantina pelajar-pelajar. Kebanyakan ahli-ahli pengkaji Barat bersetuju wujudnya hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik dan wujud perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik lelaki dan perempuan serta wujud perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri lelaki dan perempuan. Sebaliknya pula kebanyakan kajian di Malaysia mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri lelaki dan perempuan tetapi terdapat hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Antara sebab-sebab perbezaan keputusan kajian antara Malaysia dan negara-negara lain ialah budaya dan norma-norma kehidupan yang diamalkan adalah berbeza. Sistem pendidikan negara Barat yang lebih liberal dan fleksibel berbanding dengan Malaysia menjadikan pelajar-pelajar Barat lebih rasional dan agresif dalam menentukan matlamat hidup. Tahap pendidikan dan sukanan pelajaran yang berbeza juga boleh memberi kesan ke atas keputusan kajian bagi negara-negara yang berbeza.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa individu yang mempunyai konsep kendiri yang positif boleh mengamati dirinya dan orang lain dengan lebih berkesan. Di sebaliknya

individu yang mempunyai konsep kendiri yang rendah, gagal dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran dan juga dalam prestasi akademiknya.